

KEBANGKITAN TIMBAL BALAS PERKAUMAN DALAM POLITIK MALAYSIA

THE RISE OF RECIPROCAL RACISM IN MALAYSIAN POLITICS

Jazimin Zakaria ¹
Nurulaini Zamhury ^{2*}

¹ Senior Lecturer: Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia (E-mail: jazim668@uitm.edu.my)

² Senior Lecturer: Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia (E-mail: nurulaini0999@uitm.edu.my)

* Corresponding author: nurulaini0999@uitm.edu.my

Article history

Received date : 27-11-2025

Revised date : 28-11-2025

Accepted date : 28-12-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Zakaria, J., & Zamhury, N. (2025). Kebangkitan timbal balas perkauman dalam politik Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 462 – 474.

Abstrak: *This article examines the phenomenon of racial reciprocity or counter racism in the context of ethnic politics in Malaysia, employing a qualitative approach to assess its implications for the country's social integration. Malaysia was formed in the context of a diverse society as a result of the history of British colonialism that brought in large-scale ethnic Chinese and Indian migrations in the early 20th century. This colonial policy not only solved the problem of the British labor shortage but also changed the ethnic composition of Malaya as a whole. After the Second World War, the weakening of British influence opened the door to demands for independence. However, the process was accompanied by the establishment of power sharing among Malays, Chinese, and Indians through the adoption of the principles of jus soli and the social contract. The high tolerance shown by ethnic Malays is fundamental to the survival of the bangsa Malaysia project, but also raises concerns about its long-term implications. After 1957, the political structure that still inherited elements of the British administration maintained social and economic disparities as a result of the policy of division and order. These tensions peaked in the 1969 elections until the May 13 tragedy, which exposed racial reciprocity between political parties and ethnic groups. Racial retribution or reciprocal racism persists to this day, operating under the guise of democracy that fails to accommodate the historical context of this nation while neglecting the concept of a Bangsa Malaysia*

Kata Kunci: *reciprocal racism, Democracy, power sharing, ethnic politics, ethnocentric, Bangsa Malaysia.*

Abstract: *Artikel ini membincangkan fenomena timbal balas perkauman dalam konteks politik etnik di Malaysia dengan menggunakan pendekatan kualitatif, serta menilai implikasinya terhadap integrasi sosial negara. Malaysia terbentuk dalam konteks kepelbagaian masyarakat hasil daripada sejarah penjajahan British yang membawa masuk migrasi besar-besaran etnik Cina dan India pada awal abad ke-20. Dasar kolonial ini bukan sahaja menyelesaikan masalah kekurangan tenaga buruh British, tetapi turut mengubah komposisi etnik di Tanah Melayu secara menyeluruh. Pasca Perang Dunia Kedua, kelemahan pengaruh British membuka ruang*

kepada tuntutan kemerdekaan, namun proses tersebut disertai syarat pembentukan perkongsian kuasa antara Melayu, Cina dan India melalui penerimaan prinsip jus soli serta kontrak sosial. Toleransi tinggi yang ditunjukkan etnik Melayu menjadi asas kepada kelangsungan projek negara bangsa Malaysia, namun turut mencetuskan kebimbangan terhadap implikasi jangka panjangnya. Selepas 1957, struktur politik yang masih mewarisi unsur pentadbiran British mengekalkan jurang sosial dan ekonomi hasil dasar pecah dan perintah. Ketegangan ini memuncak dalam Pilihan Raya 1969 sehingga berlakunya tragedi 13 Mei, yang memperlihatkan timbal balas perkauman antara parti politik dan kumpulan etnik. Sehingga hari timbal balas perkauman masih wujud dan diteruskan atas nama demokrasi yang tidak mengadaptasi latarbelakang sejarah negara ini sekaligus meninggalkan gagasan Bangsa Malaysia.

Keywords: *Timbal balas perkauman, demokrasi, perkongsian kuasa, politik etnik, etnosentrik, Bangsa Malaysia*

Pengenalan

Malaysia tertubuh dengan kepelbagaian latarbelakang masyarakat. Impak penjajahan yang panjang serta dominasi Inggeris ke tanah melayu telah membuka ruang migrasi yang hebat dengan kehadiran etnik Cina dan India bagi memastikan kelangsungan ekonomi Inggeris sekitar tahun 1920. Gelombang kemasukan ini dilihat berjaya menyelesaikan masalah Inggeris dengan kemasukan tenaga buruh baru namun dasar ini telah merubah komposisi etnik di Tanah Melayu secara keseluruhan. Selepas perang dunia kedua banyak peristiwa yang melemahkan cengkaman Inggeris ke Tanah Melayu dan negara jajahan sekitarnya. Keadaan ini kemudiannya membuka peluang kepada penduduk Tanah Melayu untuk membebaskan negara ini dari penguasaan Inggeris sekaligus mengapai kemerdekaan. Dalam proses mencapai kemerdekaan Inggeris sekali lagi meletakkan syarat yang agak sukar kepada tuntutan kemerdekaan Tanah Melayu dengan konsep perkongsian kuasa bersama tiga etnik lain iaitu Melayu, Cina dan India. Syarat yang menghalalkan jus soli akhirnya diterima dengan kesepakatan kontrak sosial yang jelas demi mencapai kemerdekaan. Toleransi tahap tinggi yang ditunjukkan oleh etnik Melayu sebagai penduduk asal tanah melayu telah menggambarkan sikap etnik Melayu yang mempunyai tolak ansur serta keterbukaan yang hebat walaupun berat bagi raja-raja Melayu serta etnik Melayu menerimanya (Abd Manaf, 2009; Comber, 2011). Hal ini dikhuatiri akan membawa kesan berpanjangan serta isu di masa akan datang. Atas semangat kemerdekaan yang tinggi ruang toleransi telah diberikan oleh etnik Melayu. Selepas 1957 Tunku Abdul Rahman telah menyediakan lanskap politik yang lebih tersusun tetapi masih mempunyai unsur Inggeris dalam konteks pentadbiran (Saravanamutthu, 2016). Hal ini turut mengundang konflik kelas ekonomi yang besar. Struktur sosial yang diwujudkan Inggeris melalui dasar pecah dan perintah hanya meninggalkan masalah yang berpanjangan.

Oleh yang demikian pilihanraya 1969 telah merakamkan detik hitam konflik perkauman selepas Parti Perikatan yang terdiri dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaysia (MCA) dan Kongres India Malaysia (MIC) hilang majoriti dari 89 (1964) kepada 66 kerusi parlimen. Kejayaan besar pembangkang telah diraikan dengan perarakan yang akhirnya membawa kepada rusuhan etnik pada 13 Mei 1969. Provokasi Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) telah membawa kepada konflik yang semakin parah. Sasaran provokasi dibuat kepada kaum Melayu dan dibalas oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dengan perarakan yang sama di kawasan yang lain (Abdul Rahman, 1980; Combers, 2009). Secara keseluruhan perarakan dan provokasi

dilihat sebagai timbal balas antara satu sama lain yang dikenali sebagai timbal balas perkauman yang sering berakhir dengan tragedi yang lebih dahsyat. Artikel membincangkan timbal balas perkauman yang berlaku di negara ini. Kajian kualitatif ini memfokuskan kepada politik etnik yang membawa kepada timbal balas perkauman serta impak kepada integrasi sosial Malaysia.

Metodologi

Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah kualitatif. Melalui analisis kandungan yang dibuat mengikut tema kajian. Bahan seperti artikel kajian akademik, media cetak, media sosial dan rakaman kes perkauman dari sumber kedua telah digunakan untuk kajian ini. Data atau maklumat dari laman sesawang rasmi kerajaan dan hasil kajian lepas turut digunakan dalam memperkukuhkan kajian ini.

Timbal balas perkauman

Timbal balas perkauman atau *reciprocal racism* terdiri dari dua keadaan pertama; tindak balas perkauman sama ada perbuatan atau perkataan. Kedua; pilihanraya. Bagi memahami timbal balas perkauman bermula dengan teori politik identiti dan etnopolitik. Timbal balas perkauman yang berakarkan etnopolitik digerakkan dengan sosialisasi politik dalam sesebuah negara. Dalam konteks politik Malaysia timbal balas perkauman ini jelas dilihat semasa 13 rusuhan kaum 1969. Namun Sejarah Malaysia telah merakamkan konflik etnik yang lebih awal sebelum kemerdekaan lagi 1959 di Pulau Pangkor, 1964 Bukit Mertajam, 1964 di Singapura, 1965 Kuala Lumpur, April 1969 di Pulau pinang (Comber, 2009). Hal ni turut berlaku di Indonesia pada 1998 yang membawa hampir 2000 orang maut dan ratusan cedera (Chua, 2003). Di dalam perbincangan lain, terma *reverse racism* telah digunakan bagi menggambarkan pandangan dan sikap terancam dengan dasar keistimewaan dan status quo etnik majoriti. Sebagai contoh, keistimewaan hak yang diberikan kepada etnik atau kaum kulit hitam di Amerika dilihat ancaman besar kedudukan etnik kulit putih sebagai majoriti (Ansell, 2013). Walaupun begitu terma tersebut tidak menggambarkan konteks Malaysia secara tepat. Hal ini kerana *reverse racism* memfokus kepada etnik majoriti yang terancam dengan dasar istimewa kepada etnik minority serta menabur dasar untuk mengekalkan dominasi etnik kulit putih (Rousell et. Al., 2013). Sebaliknya di negara ini etnik minoriti berasa terancam dengan majoriti walaupun identiti Malaysia yang berprinsipkan integrasi bukan asimilasi.

Dalam kajian Horowitz (2001), konflik etnik berpunca dari sikap prejudis kelas ekonomi yang paling terkesan dalam masyarakat. Hampir seluruh dunia yang dibebani dengan kepelbagaian atau masyarakat yang bersifat plural telah mengalami konflik etnik. Pandangan ini turut disokong oleh Chua (2003) dalam buku beliau “*World on Fire*” yang membahaskan kelas persaingan kelas ekonomi mampu memberikan tahap prejudis yang tinggi hingga mampu mencetuskan tragedi berdarah apabila berlakunya timbal balas perkauman. Horowitz dan Chua bersetuju untuk wujud timbal balas perkauman tetapi tidak dalam konteks Malaysia yang lebih rencam. Hal ini dilihat dari sudut pandang etnik konflik secara kasar yang hanya bersandarkan kelas ekonomi semata-mata.

Muhammad Khalid (2014) dalam buku beliau “*The Colour of Inequality*” telah menyentuh soal ketidaksetaraan ekonomi yang lahir dari sistem politik penjajahan telah membawa kepada prejudis antara etnik. Kronologi sejarah ekonomi dan dasar Inggeris telah mewujudkan jurang ekonomi yang sangat luas antara etnik. Walaupun begitu perbincangan beliau tidak mengarah kepada timbal balas perkauman secara primordial namun perjuangan kelas sosio-ekonomi mengikut etnik telah mencorakkan lanskap politik negara pada masa kini. Perbincangan mengenai dasar ekonomi baru selepas kemerdekaan serta dasar pembangunan yang masih

dibayangi oleh elemen etnik yang agak sukar diselesaikan. Syed Husin Ali (2015) dalam buku beliau menulis tentang hubungan kaum atau etnik di Malaysia melalui konflik dan harmoni. Fokus perbincangan beliau meletakkan ahli politik atau sosio-politik negara yang menjadi faktor utama terbinanya konflik antara etnik. Sosialisasi ahli politik serta penggubalan dasar awam yang dilihat tidak seimbang menjadi faktor prejudis dan keretakan hubungan tersebut. Namun penulisan beliau tidak membawa kepada timbal balas perkauman secara khusus.

Kajian Jazimin dan Sity (2018) telah membincangkan hubungan etnik atau kaum di Malaysia yang berdepan dengan simptom penyahpaduan sosial yang semakin kronik. Keadaan ini telah menggugat integrasi sosial atau mencabar kesepaduan sosial yang terbina selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sekaligus menimbulkan ketegangan etnik yang tidak berkesudahan. Sikap etnosentrik setiap etnik politik terlalu mencengkam sehingga pendemokrasian Malaysia disalahertikan untuk setiap etnik menjadi lebih mengarah kepada timbal balas perkauman. Walaupun kajian ini dilihat menggunakan elemen yang sama dalam idea perbincangan dan kajian tetapi tidak memfokus kepada timbal balas perkauman secara langsung. Hal ini kerana perbincangan kajian beliau lebih berkisar adaptasi prinsip demokrasi dalam integrasi sosial etnik semata-mata.

Oleh yang demikian kajian dalam artikel ini lebih fokus kepada timbal balas perkauman yang sering menjadi permasalahan utama dalam integrasi sosial di Malaysia. Kajian lepas banyak memfokus hubungan etnik yang terkesan melalui perbezaan kelas ekonomi. Adalah penting untuk memahami timbal balas perkauman yang menjadi perkara dasar hubungan etnik dalam politik Malaysia sekaligus menyumbang kepada bidang kajian ini.

Timbal Perkauman dan Politik Malaysia

Pilihanraya umum 1969 telah menjadi titik tolak timbal balas perkauman yang wujud dinegara ini. Parti politik berasaskan kaum yang tidak pernah tidur dalam memobiliti penyokong atau pengundi mereka malah ia cukup popular dalam membentuk sokongan padu (chua, 2003). Ceramah politik yang kuat berbaur perkauman dihiasi dengan rayuan dan emosi cukup untuk meletakkan pengundi berada dalam penyokong ideologi politik mereka. Perbincangan konflik etnik banyak dibincangkan oleh sarjana barat dan asia mengikut latarbelakang Sejarah sesebuah negara. Pemahaman terhadap konflik etnik sering dikaitkan dengan teori konflik marxisme (1818-1883) dan Weber (1864-1920). Persaingan kelas ekonomi menjadikan konflik etnik lebih realistik terutama sekali dalam membincangkan isu etnik terutama sekali dari sebuah negara yang bersifat plural masyarakatnya. Namun dalam perbincangan etnik di Malaysia, teori primordialisme dan instrumentalisme lebih dekat dalam memahami senario etnopolitik Malaysia. Primordialisme adalah pendekatan yang melihat elemen keterikatan kepada keturunan dan identiti budaya yang sering timbul dalam pengelasan etnik (Yang, 2000). Instrumentalisme merupakan konsep yang membincangkan sosio-ekonomi dan pempolitan etnik dalam membina sosial sesebuah masyarakat (Che, 2016). Malah melalui instrumentalisme sering membawa perbincangan dasar afirmatif atau kelas ekonomi sebagai ukuran memahami soal etnik (Kataria, 2018). Dengan melihat kepada kedua-dua pendekatan ini, ia akan membawa kepada timbal balas perkauman yang tidak pernah selesai sehingga ke hari ini. Horowitz dalam "*Deadly ethnic riot*" telah menjelaskan bagaimana timbal balas perkauman yang ganas bermula dan putaran ini menjadi semakin besar dengan sikap ahli politik yang ekstrim. Pandangan beliau terhadap isu-isu konflik etnik yang jelas sering dimulakan dengan sikap tidak peduli dan etnosentrik atau chauvinis dari etnik tertentu. Pandangan ini selari dengan Jazimin (2019) yang meletakkan hegemoni etnik wujud dalam kalangan masyarakat plural sehingga cuba mengekalkan identiti etnik sehingga tahap pengagungan yang membawa kepada sikap

etnosentrik. Di Malaysia sikap etnik minoriti yang mencabar sistem integrasi dan kesepaduan sosial dilihat menjadi punca konflik etnik berpanjangan. Tanpa memahami dan menghargai prinsip serta dasar integrasi berbanding asimilasi etnik, masih terdapat kaum atau etnik bukan Melayu yang mencabar keharmonian yang terbina. Hal ini jelas dengan kewujudan sekolah vernakular di Malaysia yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan yang didominasi etnik Melayu. Usaha mengangkat prinsip integrasi sosial ini diteruskan dengan memberikan ruang penonjolan identiti politik yang kuat (Shamsul Amri, 2014; Fukuyama, 2018). Selain itu banyak prinsip toleransi etnik diamalkan seperti sambutan perayaan dan penggunaan bahasa ibunda yang sesuai seperti wujudnya 13 siaran radio Mandarin atau Kantonis serta 13 saluran radio dan televisyen dalam bahasa Tamil.

Dalam pada itu harus difahami bahawa perbincangan politik Malaysia tidak pernah lekang dari keterikatan etnik yang sangat kuat. Selain dari hegemoni etnik dalam konteks sosial sering juga etnopolitik yang membawa kepada kempen-kempen politik yang merayu undi bagi mobiliti etnik sebagai penyokong kuat parti. Hal ini jelas dilihat dalam setiap pilihanraya umum yang diadakan. Sosialisasi politik yang tidak sihat yang muncul dalam setiap platform ceramah. Walaupun pilihanraya umum ke 12, 13 dan 14 dilihat perubahan positif kepada pengundian mengikut etnik semakin pudar tetapi pilihanraya 15 memberi kesan sebaliknya. Corak pengundian rentas etnik dilihat semakin berkembang dengan kemenangan calon dari etnik berbeza walaupun mempunyai calon dari etnik yang sama (Johan, 2016). Prestasi parti dan calon menunjukkan perkembangan positif kepada keterbukaan dan kematangan politik rakyat (Jazimin & Sity, 2022). Namun protes terhadap ratifikasi *Rom statute* pada Mei 2019 telah menyaksikan perhimpunan atas nama agama dan etnik berjumlah 10000 penunjuk perasaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sentimen agama dan etnik masih lagi kuat sekaligus menolak integrasi sosial yang dianggap telah selesai. Kerajaan baharu sebagai parti pemerintah telah bertindak untuk merealisasikan pematuan ROM statut yang dilihat mengandungi unsur sentimen agama yang agak kuat. Pilihan raya 13 merakamkan kempen politik berbaur perkauman yang agak ketara seperti ceramah dari parti politik ultra etnik seperti UMNO DAP dan PAS seperti ceramah Hew Kuan Yau pad 2016 dan 2018, Lim Guang Eng.

Menurut Pusat kewartawanan Bebas (CIJ) Hantaran di media sosial mengenai kaum atau etnik mencecah 91,417 hantaran yang menyentuh kaum 66933 dan agama 24,484. malah kebanyakan hantaran ini dilakukan oleh ahli politik sebagai penyumbang atau pencetus utama (Astroawani.com, 2023). Naratif perkauman dan agama kerap kali dimainkan bagi memobilisasikan pengundi dalam kalangan mereka (Chua, 2003). Hal ini jelas sosialisasi politik di negara ini masih menganggap elemen etnik dan agama sangat relevan bagi mereka. Pilihanraya umum ke-15 akhirnya membawa malaysia kepada politik etnik yang kuat. Malah keterikatan yang semakin kuat ini jelas ditonjolkan dalam keputusan pilihanraya antara keputusan parti Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasioanl (PN) dan Barisan Nasional (BN) dengan kemenangan bergaya PH dalam kerusi parlimen dan negeri telah bertambah sebanyak 76 kerusi dari 206 kerusi dipertandingkan berbanding 52 PN dan 30 BN.

Timbal Perkauman dan Hegemoni

Hegemoni dalam konteks Malaysia jelas dengan penguasaan kerajaan dan dasar-dasar awam yang memfokuskan kepada etnik Cina dengan jenama politik DAP. Hal ini merupakan timbal balas dari dominasi identiti negara ini yang menjadikan identiti etnik dan elemen Melayu sebagai asas kenegaraan seperti bahasa (Perkara 152), Hak Istimewa Melayu (Perkara 153), kuasa Raja-raja Melayu (Perkara 171) (Verma, 2002). Malah soal agama dalam perkara 4 perlembagaan persekutuan turut dilihat sebagai dominasi etnik dalam konteks timbal balas

perkauman. Perjuangan etnik ayang membela kaum selain dari Melayu dan bumiputera telah wujud dalam gagasan perjuangan MCA dan, Gerakan dan MIC. Namun perjuangan dan perkembangan politik dari parti-parti politik dilihat masih bersifat lunak di samping menjaga hubungan etnik majoriti. Penghapusan kuota etnik dalam sebuah negara demokrasi mungkin perlu dilaksanakan pada masa akan datang tetapi jurang sosio-ekonomi yang masih lagi besar antara etnik hanya akan mengundang ketidakstabilan politik serta bakal membina tembok prejudis yang tebal (Chua, 200; Horowitz, 2000; Jazimin & Sity, 2022). Walaupun telah wujud kerajaan campuran selepas PRU 14 dan 15, elemen hegemoni dan etnosentrik dilihat begitu kuat digunakan dalam pembuatan dasar dan berkempen. Dihambat dengan retorik janji pilihanraya yang meletakkan elemen etnik sebagai bahan kempen seperti pemberian peruntukan Kampung baru Cina dan penjualan aset serta campurtangan dalam urusan syarikat kerajaan atau GLC (Jazimin, 2022; Abdul Muein & Jamaie, 2023). Kempen politik dan elemen emosi dalam ceramah yang bermodalkan serangan kepada etnik majoriti sudah pasti menjadi pencetus kepada konflik dan prejudis berpanjangan antara etnik (Horowitz, 2000; Chua, 2003).

Pilihanraya tempatan merupakan agenda Konvensyen DAP Wilayah Persekutuan pada Oktober 2024 sekali lagi mengesyorkan pindaan kepada Akta Ibukota Kuala Lumpur 1960 terhadap keanggotaan ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) yang boleh dilantik oleh Yang Dipertuan Agong (YDPA) selain daripada pelantikan Lembaga penasihat semata-mata. Reformasi ini harus turut membenarkan perlantikan ahli majlis kerajaan tempatan seperti PBT yang lain. Justeru penstrukturan tersebut akan membawa kepada matlamat akhir dengan mewujudkan semula pilihanraya tempatan. Hal ini dilihat agak kontroversi kerana mencabar kuasa YDPA dan membawa kepada risiko penyalahgunaan kuasa atau parti politik yang membawa kepada prejudis etnik atau kaum.

Pilihanraya tempatan merupakan platform terbaik untuk mengangkat warga tempatan menyumbang kepada komuniti. Partisipasi sebagai ahli majlis PBT sangat signifikan bagi mendengar suara setempat dalam membawa perubahan dan pembangunan kepada komuniti. Malah harus difahami bahawa peri pentingnya ahli majlis dianggotai dari pelbagai kaum bagi memastikan setiap etnik diwakili dengan baik. Oleh yang demikian pilihanraya tempatan bukan hanya melibatkan kos yang agak tinggi malah mampu mencetuskan penguasaan suara etnik tertentu sahaja. Malah cadangan daripada laporan Athi Nahappan 1968 tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan isu keselamatan dan ketenteraman awam terutama sekali pasca tragedi 13 Mei 1969. Oleh yang demikian cadangan dari DAP bagi pindaan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 jelas agak berisiko. Usul mewujudkan majlis penasihat seperti PBT lain di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dilihat kurang sesuai bagi wilayah persekutuan kerana ia adalah pusat pentadbiran negara serta mempunyai kepadatan penduduk dan tidak seimbang dari sudut kaum. Keadaan ini perlu diimbangi dari campurtangan politik sekaligus menunjukkan peranan YDPA sebagai entiti neutral di negara ini. Malaysia telah memansuhkan pilihanraya tempatan pada 1971 sebagai usaha membendung tragedi 13 Mei 1969 berulang Kembali. Politik kebencian yang ditunggangi parti politik agak sukar dikawal dan membawa ketidakstabilan politik yang panjang (Barraclough, 1986).

Peruntukan khas sekolah persendirian Cina dan kolej universiti ERA

Timbal balas perkauman dengan jelas ditunjukkan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan memohon pengistiharan 7 kampung baharu Cina untuk diangkat menjadi tapak warisan dunia. Pelbagai usaha telah dimulakan bagi mencapai kriteria yang ditetapkan UNESCO. Hal ini dilihat tidak integrasi dan menunjukkan agenda membela kampung baharu Cina sebagai timbal balas perkauman kepada tanah rezab Melayu yang sukar dipinda syaratnya. Usaha

menjadikan tanah berstatus kekal oleh parti DAP jelas ketika menjadi kerajaan di Perak pada tahun 2008 ketika bersama PAS membentuk kerajaan campuran. Usaha menukarkan status tanah 99 tahun kepada 999 atau hak milik kekal merupakan manifesto parti dan telah berjaya dilakukan dengan pemberian 11 hak milik kekal kampung baru ketika DAP dan PAS sebagai parti pemerintah (BERNAMA, 2018). Peruntukan sebanyak RM20 juta kepada sekolah persendirian Cina dan RM2 juta bagi Kolej Universiti New Era jelas menunjukkan usaha keras dari pemimpin DAP sebagai wakil kerajaan. Pihak DAP menegaskan mereka melakukan hal yang sama seperti kerajaan terdahulu dengan memberikan peruntukan khas kepada institusi pengajian tinggi swasta (BERNAMA, 2019). Timbal balas Perkauman ini jelas menentang dasar afirmatif yang dilihat tidak memberikan kelebihan kepada entik lain selain etnik Melayu atau Bumiputera (Chang, 1996).

Selain pendidikan, usaha menjual aset-aset Government Link Company (GLC) sama ada berbentuk ekuiti atau fizikal menjadikan timbal balas perkauman menjadi semakin runcing. Tidak dapat dinafikan etnik bukan Melayu menguasai sosio-ekonomi semenjak 1957 lagi. Malah dari sudut pendapatan perkapita di Malaysia etnik Melayu ketinggalan sebanyak 75 peratus kemiskinan dan etnik cina hanya 17 peratus dan diikuti kaum India 8 peratus (Muhammed, 2014). DEB secara tidak langsung telah merapatkan jurang ekonomi dan insiden kemiskinan yang memfokus kepada kaum Melayu berbanding yang lain. Walaupun tidak berada dalam kelas pertama kekuatan ekonomi seperti kaum Cina namun miskin tegar dalam kalangan kaum Melayu berjaya dikurangkan. Hal ini dapat dilihat dengan aspek peratusan perolehan pendidikan, pekerjaan serta kuasa membeli. Jurang ekonomi ini juga distabilkan lagi dengan pemilikan syarikat kerajaan dalam industri yang rata-ratanya disertai oleh profesional Melayu. Namun Dasar Ekonomi Baru yang berobjektifkan menghapuskan kelas ekonomi mengikut kaum atau etnik dilihat semakin tersasar (Verma, 2001). DEB hanya membawa kepada sistem pelayangan atau patronage sistem bagi politik UMNO semasa kepimpinan Mahathir (Gomez & Jomo, 1998). Hal ini turut menjadi lebih serius apabila berlakunya kronisme dalam pengagihan projek dan kontrak kerajaan (Syed Husin Ali, 2015).

Dasar pembangunan dan penguatkuasaan sosioekonomi malaysia dilihat mengarah kepada pengukuhan hegemoni etnik. Hal ini jelas salah satu elemen timbal balas perkauman yang menjadikan dasar afirmatif dan peruntukan hak istimewa etnik melayu dan bumiputera sebagai sasaran hegemoni sebelum ini.

Menurut Scrut iaitu sebuah Facebook SCRUT (<https://www.facebook.com/scrut.my/>) dan INTEREPO (<https://www.facebook.com/interepo/>). Kedua-dua laman ini adalah milik syarikat yang dikendalikan oleh pemilik dan pengasas bersama iaitu Ahmad Aliff Ahmad Shariffuddin yang menggunakan nama 'Aliff Ahmad' sebagai profil Facebook beliau. SCRUT dan INTEREPO adalah dua syarikat penyedia perkhidmatan semakan status perundangan dan kewangan syarikat-syarikat di Malaysia. Kajian Scrut ke atas Lim Guan Eng yang merupakan Setiausaha Agung parti DAP menunjukkan bahawa bekas Ketua Menteri Pulau Pinang serta bekas Menteri Kewangan 22 bulan ini memiliki sebegitu banyak jawatan sebagai Pengarah dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) negeri Pulau Pinang. Lim Guan Eng menduduki kerusi sebagai Pengarah di sekurang-kurangnya 13 buah syarikat iaitu Shorefront Development Sdn Bhd., Malaysia Healthcare Travel Council, Georgetown World Heritage Incorporated, Penang Tech Centre, Penang Institute, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd., PBA Holdings Bhd., Penang Science Cluster, BPO Premier Sdn Bhd., Premier Horizon Ventures Sdn Bhd, Invest-In-Penang Bhd., PDC Telecommunication Services Sdn Bhd., dan Penang Global Tourism Sdn Bhd. Sistem SCRUT turut menjana dua nama penting individu yang rapat dengan Lim Guan Eng iaitu

Phang Li Koon (Abdul Muen & Jamaie, 2023) . Modus operandi yang dilakukan oleh DAP dilihat timbal balas perkauman yang dilakukan oleh UMNO sebelum ini. Namun pendekatan Mahathir dalam sistem pelayungan ini tidak berlaku secara total kepada syarikat Melayu dan Bumiputera semata-mata. Hal ini kerana beliau turut mewujudkan proksi syarikat dari syarikat-syarikat bukan Melayu seperti Robert Kuok, Francis Yeoh, Vincent Tan dan Ananda Krisnan.

Namun Malaysia tidak mengangkat demokrasi etnik (Smootha, 2001) sebagai dasar kenegaraan. Malah melalui dasar dan prinsip integrasi sosial semua etnik di negara ini. Transisi demokrasi malaysia tidak pernah bersifat asimilasi dengan melihat kepada pengekalahn primordial elemen setiap etnik seperti identiti bahasa, budaya, agama. Malah sistem sekolah vernakular yang sepatutnya dihapuskan dalam tempoh 10 tahun tetap diteruskan dengan pertambahan peruntukan saban tahun. Persatuan, akhbar, siaran radio dan televisyen etnik selain Melayu dan Bumiputera terus bergerak bebas tanpa sekatan.

Peruntukan dalam pembentangan bajet 2025 jelas menunjukkan RM85 juta diperuntukan untuk tujuan naik taraf kampung baru cina. Nga kor Meng sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus menerus menunjukkan kecenderungan membantu Kampung Baru Cina dengan pelbagai insentif dan cadangan. Kerjasama *International Council on Monuments and Sites* (ICOMOS) dalam merealisasikan rancangan tersebut merupakan bukti kerja keras Nga untuk menaik tarafkan Kampung Baru Cina dengan penukaran status tanah Kampung Baharu menjadi kawasan yang tidak boleh lagi disentuh. Pemberian peruntukan khas diberikan kepada kg baru Cina bagi lampu jalan solar sebanyak RM9 juta bagi 9 buah kampung turut menjadi kritikan kepada perbelanjaan beliau (thestar, 2024). Perletakan fungsi KPKT yang meletakkan Kampung Baru Cina di bawah pentadbirannya adalah tindakan tepat untuk menguruskan timbal balas perkauman kepada dasar afirmatif kerajaan sebelum ini yang dilihat sering membantu etnik Melayu. Usaha untuk membantu etnik Cina terus menerus dilakukan di bawah KPKT dalam bentuk dasar pembangunan. Dengan pelbagai peruntukan khas, Nga Kor Ming dengan mudah melaksanakan dasar afirmatif kepada etnik Cina di Malaysia. Justeru Kampung Melayu diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang sememangnya sarat dengan pelbagai agensi.

URA

Pindaan Akta Pembaharuan Bandar (URA) adalah undang-undang yang dicadangkan di Malaysia dari menteri KPKT sendiri untuk tujuan memperkemaskan dan menghalalkan pembangunan semula bandar berskala besar, terutamanya di kawasan bandar lama yang dipertimbangkan oleh kerajaan telah rosak dan memerlukan pembinaan semula. Sebahagian daripada perbahasan melibatkan penurunan ambang persetujuan untuk pembangunan semula dari persetujuan sebulat suara kepada majoriti seperti 80% dan memberi pihak berkuasa tempatan dan Menteri berkaitan lebih banyak kuasa untuk penguatkuasaan dan memperbaharui kawasan bandar. Selain itu hak harta dan kebimbangan terhadap risiko perpindahan komuniti turut menjadi kerisauan terutama sekali jika persetujuan pemilik tidak dilindungi sepenuhnya. Isu yang timbul mencerminkan isu-isu yang lebih mendalam mengenai urbanisasi, undang-undang harta, hak kewarganegaraan. Walau bagaimanapun pembangunan semula harus seimbang dengan keadilan dan kestabilan masyarakat di Malaysia. Pindaan akta ini bukan sahaja meresahkan kaum Melayu malah kaum Cina dan kaum-kaum lain turut merasa pemusatan kuasa dan kawalan eksekutif yang jelas.

Kebimbangan mengenai hak kaum Melayu atau Bumiputera dilihat lebih rumit kerana berada di kelas ekonomi yang paling rendah, penduduk kawasan terlibat berasa bimbang terhadap undang-undang boleh mengurangkan perlindungan kepada pemilik harta tanah dan memudahkan pembangunan semula yang menolak penduduk asal. Selaku bekas perdana menteri, Mahathir mengingatkan URA adalah perbuatan meminggirkan etnik Melayu yang secara jelasnya sebagai pemilik tanah terutamanya tanah rizab Melayu. Justeru hal ini menunjukkan ia akan melemahkan kaum Melayu sendiri dari sudut hak asasi dan posisi ekonomi (Malaysiakini, 2025). Beberapa ahli parlimen pembangkang berpandangan bahawa rang undang-undang tersebut dilihat sebagai ancaman kepada kuasa politik dan kehadiran demografi Melayu di kawasan bandar mendakwa ia boleh meniru corak penyusunan semula masyarakat yang bertujuan mengurangkan dominasi pengundi etnik Melayu seperti yang berlaku di Singapura di mana Kampung Melayu dibangunkan semula (LatestMalaysia, 2025). Kebimbangan ini turut dikemukakan oleh parti politik dari Pemuda PAS dengan ketidakadilan sosial dan hak asasi yang bakal dicabuli. Penyusunan masyarakat berdasarkan dasar awam merupakan kaedah kawalan kerajaan terhadap dominasi etnik bagi sesuatu kawasan (Gomez, 2010; Tsai-Wei, 2015). Hal ini dilihat timbal balas perkauman yang jelas bagi mengubah komposisi etnik atau kaum di sesuatu kawasan.

Penstrukturan GLC Dan Campurtangan Etnopolitik

Campurtangan politik atas nama penstrukturan semula oleh kerajaan merupakan langkah drastik yang dilakukan oleh parti pemerintah PH. Bekas menteri kewangan Lim Guan Eng mengakui penjualan aset dan projek kerajaan dilakukan melalui tender terbuka (BERNAMA, 2019). Penjualan aset dan saham telah membabitkan Khazanah menjual 1.4 bilion saham atau 16% pegangan ekuiti dalam IHH kepada Mitsui & Co Ltd pada harga RM8.42 bilion atau RM6 sesaham. Kini, pegangannya dalam kumpulan hospital Asia itu berkurangan kepada 26%. Selain menjual saham IHH Healthcare Berhad (IHH) kepada syarikat Jepun November lalu, katanya, Khazanah turut menjual 63 juta saham CIMB Group Holdings Berhad pada harga RM364 juta atau RM5.78 sesaham, Disember lalu. (Malaysiakini, 2019). tidak nama dinafikan bahawa ketika Lim Guan Eng menjadi menteri kewangan banyak aset telah dijual ketika era PH. Antaranya adalah IHH Berhad, sebahagian saham Tenaga Nasional Berhad (TNB), kepentingan dalam IPP Arab Saudi, DUO Residency, sebahagian saham CIMB, Hospital Prince Court, lebuhraya terbesar di Indonesia serta pegangan saham dalam Alibaba, SEA Ltd (Shopee), BDO Unibank Filipina, Infosys India, Farfetch UK dan PT Charoen Pokphand Indonesia. Penguasaan ekonomi kepada minoriti atau golongan elit politik tertentu atau mengikut etnik hanya akan menimbulkan elemen prejudis yang berpanjangan dan menjadi sumber konflik yang sangat serius (Chua, 2003). Usaha yang dilakukan beliau dilihat sebagai timbal balas perkauman yang berlaku sebelum ini dikuasai oleh Barisan Nasional (BN) yang diketuai oleh UMNO sebelum pilihanraya 14.

Tindakan Lim Hui Ying sebagai Timbalan Menteri Pendidikan pada 2023 dengan memperuntkan rm18.9 juta kepada 63 sekolah persendirian Cina menjelaskan matlamat DAP dalam membantu kaum Cina dari sudut pendidikan (Malaysiakini, 2024). Timbal balas perkauman ini menunjukkan bahawa kegigihan DAP sebagai parti yang memperjuangkan kaum sangat jelas serta menyatakan pentingnya mengekalkan sokongan dan kesetiaan yang tidak berbela bahagi kepada kaum masing-masing. Tindakan beliau dilihat tidak demokratik kerana perjuangan DAP tidak berpegang kepada prinsip demokrasi dalam bernegara tetapi sebaliknya tindakan yang menentang dasar afirmatif sepertimana dibahaskan oleh Chang (1996) dilihat jelas berlaku.

Timbal perkauman juga dapat dilihat dari tindakan pemimpin DAP seperti Nga Kor Ming dalam parti pemerintah yang dulunya dikuasai oleh UMNO. Penstrukturan semula kementerian KPKT dengan meletakkan Kampung Baharu Cina dalam bidang kuasa beliau merupakan tindakan jelas usaha membantu atau mengagihkan sumber kewangan negara kepada etnik atau kaum Cina dalam bentuk dasar pembangunan. Malah perkara tersebut adalah tindakan menunaikan manifesto DAP kepada pengundi mereka. Etnopolitik yang sedang berlaku dalam konteks gerakan parti politik yang bersifat perkauman adalah jelas sepertimana yang telah dilakukan oleh UMNO semasa menjadi kerajaan. Walaupun begitu implikasi dari timbal balas berkenaan ini tidak berhenti di situ sahaja. Usul untuk mewujudkan URA merupakan timbal balas perkauman yang paling berani dan jelas dengan usaha untuk merubah lanskap politik negara kepada dominasi kaum di kawasan bandar. Keputusan beliau dengan menjemput wakil dari Singapura untuk membantu merancang dan menstruktur semula bandar atas nama pembangunan adalah langkah sangat jelas. Timbal balas perkauman yang berselindung atas nama pembangunan akan memberikan kelebihan kepada DAP untuk menguasai bandar dengan merubah komposisi kaum di kawasan yang majoriti Melayu. Keazaman beliau dalam memastikan kemenangan dan penguasaan semua bandar sepertimana tahun 1969 tidak akan membawa penghujung yang baik. Malah penstrukturan masyarakat dilihat selektif kepada kawasan tertentu seperti di Singapura bagi usaha penegjakan kuasa politik dan dominasi etnik (Tsai-Wei, 2015). Usaha kerajaan dalam menyusun semula masyarakat dengan pakej Dasar Ekonomi baru (DEB) 1970 oleh Tun Razak akan menjadi sia-sia. Penghapusan pengenalan ekonomi mengikut kaum yang akhirnya memicu ketegangan sekaligus membawa kepada insiden berdarah 1969 hanya membawa negara ke arah kehancuran dan ketidakstabilan politik (Jazimin & Sity 2022).

Justeru usaha DAP dalam mencairkan aset-aset GLC hanya akan menghilangkan golongan pertengahan Melayu dalam kelas ekonomi. Menurut Horowitz (2000), konflik etnik atau kaum di seluruh dunia bertunjangkan kelas ekonomi. Sosio-ekonomi yang terasing hanya akan membawa hubungan yang lebih parah. Sikap prejudis terus berkembang dalam kalangan masyarakat dan akhirnya menjadi penyakit yang sukar diubati sekaligus membawa kepada rusuhan etnik yang dahsyat (Chua, 2003). Dalam pada itu timbal balas perkauman akan terus subur sehingga merosakkan kestabilan politik dan negara jika tidak dibendung. Tembok prejudis yang wujud harus runtuh untuk memberi laluan kepada kesepaduan sosial berlaku (Jazimin & Sity, 2022).

Timbal balas perkauman boleh dilihat dalam dua aspek secara teori sama ada dalam bentuk kelas sosio-ekonomi dan elemen primordial seperti keturunan, warna kulit, bahasa, agama. Dalam kajian ini elemen primordial dan struktu dibahaskan bagi memahami dengan lebih mendalam timbal balas perkauman yang wujud. Serangan kepada Dasar afirmatif dilihat menjadi mangsa kepada timbal balas perkauman dan senjata dalam meraih sokongan yang kuat dari pengikut. Dasar afirmatif dilihat sebagai mekanisme untuk mewujudkan pengasingan kelas ekonomi berbanding menyatukan rakyat melalui dasar awam (Gomez, 2003). Dasar afirmatif dilihat mendominasi identiti Malaysia yang seharusnya mengambilkira semua kaum (Verma, 2002).

Menurut *Business Times*, tahun 2025 telah menyenaraikan 10 individu terkaya di Malaysia diketuai oleh Robert Kuok dengan kekayaan berjumlah US\$11.4 bilion, diikuti rapat oleh tokoh perbankan dan konglomerat, Quek Leng Chan yang memiliki US\$9.8 bilion. Di tempat ketiga ialah waris keluarga Teh dengan nilai bersih US\$5.9 bilion, manakala Koon Poh Keong dan adik-beradiknya yang menguasai industri aluminium berada di kedudukan keempat dengan

US\$5.4 bilion. Keluarga Krishnan pula menduduki tempat kelima dengan US\$5.3 bilion, diikuti oleh dua beradik, Lee Yeow Chor dan Lee Yeow Seng daripada kumpulan IOI dengan kekayaan US\$5.2 bilion. Seterusnya, Francis Yeoh dan adik-beradiknya yang memimpin kumpulan YTL berada di tangga ketujuh dengan US\$3.6 bilion, manakala pengasas 99 Speedmart, Lee Thiam Wah, menduduki tempat kelapan dengan nilai US\$3.5 bilion. Di tempat kesembilan ialah pengasas Sunway Group, Jeffrey Cheah, dengan kekayaan US\$3 bilion, dan melengkapkan senarai 10 teratas ialah Chia Song Kun yang memiliki kekayaan US\$2.3 bilion. Melalui senarai tersebut, jelas integrasi sosial prinsip yang kuat dalam mengangkat keadilan sosial masyarakat pelbagai etnik tanpa mengira latarbelakang (Shamsul Amri, 2014, Jazimin & Sity, 2022). Statistik di atas jelas bahawa penguasaan ekonomi telah didominasi oleh bukan Melayu di negara ini. Malah dari sudut pendapat isi rumah mengikut kaum, kaum Melayu masih berada paling rendah antara tiga etnik utama dengan jumlah 22% pendapatan bulanan berbanding Cina 32% dan India 27%.

Berdasarkan laporan pendapatan isi rumah bulanan purata mengikut etnik bagi tahun 2022 dan 2024 Jabatan Perangkaan Malaysia 2024, Kelas pendapatan dengan peratusan tertinggi bagi Bumiputera adalah isi rumah yang berpendapatan antara RM4,000 hingga RM5,999 iaitu 21.4 peratus. Bagi isi rumah Cina dan India, kelas pendapatan tertinggi juga adalah antara RM4,000 hingga RM5,999, masing-masing mencatatkan 14.8 peratus dan 17.4 peratus. Kelas pendapatan RM20,000 dan ke atas menunjukkan peningkatan bagi semua kumpulan etnik pada tahun 2024. Etnik Cina merekodkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 11.4 peratus, diikuti oleh India (7.0%) dan Bumiputera (3.8%). Bagi peratusan insiden kemiskinan mengikut etnik kaum Melayu mencatatkan paling tinggi pada empat tahun berturut-turut semenjak tahun 2019 dengan jumlah 7.9 %, diikuti dengan kaum Cina sebanyak 1.9% dan kaum India 5.4 %. Namun pada tahun 2014 sehingga 2016, jurang pendapatan isi rumah dilihat lebih kecil dengan peratusan 0.8 Melayu, Cina 0.1 dan India 0.6. Hal ini jelas kesan daripada pelaksanaan model ekonomi baharu yang dilaksanakan pada era Najib Razak yang tidak mendiskriminasi etnik bukan Melayu sekaligus cuba merapatkan kelas ekonomi di samping membantu integrasi sosial dengan lebih baik.

Kesimpulan

Timbal balas perkauman menjadi indikator sah kepada tahap keharmonian etnik atau kaum di Malaysia. Kelahiran dasar-dasar awam yang membawa mencabar hak istimewa pribumi dan mencabar hegemoni Melayu jelas menunjukkan timbal perkauman yang tersimpan selepas 1970an. Walaupun terdapat parti politik bukan Melayu seperti MCA, MIC, GERAKAN dan lain-lain parti yang menampakkan dominasi kaum atau etnik sebelum ini sebagai parti pemerintah tetapi kerajaan perpaduan selepas PRU 14 yang diasaskan atas dasar memerangi politik identiti dan hegemoni etnik dilihat lebih etnosentrik dari sebelumnya. Kelas sosio-ekonomi yang terbina selepas pelaksanaan DEB jelas menunjukkan kewujudan kelas pertengahan Melayu yang semakin bertambah sekaligus memberi kesan yang positif kepada hubungan etnik dan membina struktur sosial yang lebih stabil. Walaupun terdapat konflik kecil antara etnik namun ia sentiasa dalam keadaan terkawal. Pakatan Harapan (PH) bersama parti gabungan seharusnya meraikan perbezaan dan menggubal serta mentadbir dengan lebih baik dari kerajaan sebelumnya. Idea keadilan sosial yang dimanifestasikan dalam setiap kempen jelas semakin bersifat chauvinis dan tidak membawa perubahan besar dengan terjemahan pelaksanaan dasar mengikut kaum malah terus meneruskan melebarkan jurang kelas sosio-ekonomi yang sedia ada. Harapan baru bangsa Malaysia dan kesepaduan sosial akhirnya dicemari dengan dasar yang bersifat timbal balas perkauman tanpa mengambilkira masa hadapan negara yang lebih harmoni dan stabil.

References

- Abadi, A. M., & Hamil, J. H. (2023). Politik & perniagaan dalam PRU-15: Perspektif elit [Politics & business in GE-15: Elite perspective]. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*.
- Abdul Rahman Putra Al-Haj (2007) *13 Mei Sebelum Dan Selepas / Tunku Abdul Rahman*. Utusan Publications & Distributions. Kuala Lumpur
- Ansell, A. E. (2013). *Race and ethnicity: The key concepts* (pp. 135–136). Routledge.
- Astro Awani. (n.d.). Hantaran kaum dan agama banyak dimainkan ketika tempoh kempen PRU15. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hantaran-kaum-agama-banyak-dimainkan-ketika-tempoh-kempen-pru15-cij-421833>
- Berita RTM. (2025, January 25). Pembangunan Kampung Baru Cina: KPKT peruntuk lebih RM120 juta. <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pembangunan-kampung-baru-cina-kpkt-peruntuk-lebih-rm120-juta>
- Bernama. (2024, October 18). Belanjawan 2025: Kerajaan peruntuk RM84 juta naik taraf Kampung Baru Cina. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/691788/khas/belanjawan/belanjawan-2025-kerajaan-peruntuk-rm84-juta-naik-taraf-kampung-baru-cina>
- Birruntha, S. (2025, April 17). Still king: Robert Kuok leads Malaysia's richest list with US\$11.4 billion net worth. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/business/corporate/2025/04/1203134/still-king-robert-kuok-leads-malaysias-richest-list-us114bil-net>
- Chua, A. (2003). *World on fire: How exporting free market democracy breeds ethnic hatred and global instability*. Doubleday.
- Chang, R. S. (1996). *Reverse racism: Affirmative action, the family, and the dream that is America*. *Hastings Constitutional Law Quarterly*, 23, 1115.
- Comber, L. (2009). 13 May 1969: The Darkest Day in Malaysian History. Department of Statistics Malaysia. (2024). *Household income survey 2024*. https://storage.dosm.gov.my/hies/household_income_2024
- Fukuyama, F. (2018). *Identity: the demand for dignity and the politics of resentment*. First edition. Farrar, Straus and Giroux.
- Gomez, E. T. (2003). Affirmative action and enterprise development in Malaysia: The New Economic Policy, business partnerships and inter-ethnic relations. *Kajian Malaysia*, 21(1–2).
- Horowitz, D. L. (2001). *The deadly ethnic riot*. University of California Press.
- James Gomez (2010). *Politics and Ethnicity: Framing Racial Discrimination in Singapore*. *Copenhagen Journal of Asian Studies*, 28(2), 103–117
- Jazimin Zakaria & Sity Daud. (2018). Social Decohesion and Democracy: Renunciation of National Integration in a Pluralist Society.
- Jazimin Zakaria & Sity Daud. (2022). *Pendemokrasian di malaysia dan integrasi nasional*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kataria, S. (2018). Explaining ethnicity: Primordialism vs. instrumentalism. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 5(4), 130–135.
- Ma'abo Che, A. A. (2016, June 1). Linking instrumentalist and primordialist theories of ethnic conflict. *E-International Relations*. <https://www.e-ir.info/2016/06/01/linking-instrumentalist-and-primordialist-theories-of-ethnic-conflict/>
- Malaysia Gazette. (2018, August 19). Nizar akui pernah luluskan 11 hak milik kekal tanah di Kampung Baru.

- <https://malaysiagazette.com/2018/08/19/nizar-akui-pernah-luluskan-11-hak-milik-kekal-tanah-di-kampung-baru/>
- Malaysia Gazette. (2023, June 26). Nilai aset Khazanah jatuh akibat jualan lambak selepas PRU14. <https://malaysiagazette.com/2023/06/26/nilai-aset-khazanah-jatuh-akibat-jualan-lambak-selepas-pru14/>
- MalaysiaNow. (2025, March 10). Anwar lying: Mahathir warns URA will marginalise poor Malay landowners in cities. <https://www.malaysianow.com/news/2025/03/10/anwar-lying-mahathir-warns-ura-will-marginalise-poor-malay-landowners-in-cities>
- Roussell, A., Henne, K., Glover, K. S., & Willits, D. (2019). Impossibility of a “reverse racism” effect: A rejoinder to James, James, and Vila. *Criminology & Public Policy*, 18(1), E6. <https://doi.org/10.1111/1745-9133.12289>
- Saravanamuttu, J. (2016). *Power sharing in a divided nation: Mediated communalism and new politics in six decades of Malaysia's elections*. ISEAS–Yusof Ishak Institute.
- Shamsul Amri Baharuddin & Anis Yusaf Yusoff. (2014). *Perpaduan, kesepaduan, penyatupaduan: Satu negara, satu kata akar, tiga konsep keramat*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Sikorski, D. (1998). Malaysia - Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits. By Terence Gomez Edmund and K.S. Jomo Cambridge: Cambridge University Press, 1997. Pp. xx, 207. Note on Currency, List of Abbreviations, Tables, Figures, Bibliography, Index. *Journal of Southeast Asian Studies*, 29(2), 443–444. doi:10.1017/S002246340000778
- Smootha, S. (2000). The regime of the State of Israel: Civic democracy, nondemocracy or ethnic democracy? *Sociologia Yisraelit*, 2(2), 565–630.
- Sun, tsai-wei. (2015). *Governing Singapore*. Asian Education and Development Studies. 4. 282-298. 10.1108/AEDS-11-2014-0057.
- Utusan Malaysia. (2024, March 7). Lima agensi kerajaan rugi RM3.115 bilion. <https://www.utusan.com.my/terkini/2024/03/lima-agensi-kerajaan-rugi-rm3-115-bilion/>
- Verma, V. (2002). *Malaysia, state and civil society in transition*. Lynne Rienner Publishers.
- Yee, J. Y. (2008). Racism, types of. In R. T. Schaefer (Ed.), *Encyclopedia of race, ethnicity, and society* (Vol. 3, pp. 1118–1119). Sage Publications.